



## SIARAN AKHBAR

### AMARAN PENIPUAN PERNIAGAAN NUMISMATIK

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin mengingatkan orang ramai untuk berwaspada terhadap akaun-akaun media sosial yang mendakwa sebagai pengumpul wang dan duit syiling lama dan menawarkan untuk membelinya dengan harga yang sangat tinggi. Iklan tawaran tersebut berkemungkinan adalah taktik penipuan kewangan bagi memperdaya mangsa untuk membuat pembayaran bagi transaksi yang tidak akan ditunaikan.
2. Orang ramai perlu mengambil langkah berjaga-jaga apabila mendapat tawaran bagi pembelian atau penjualan barang yang bernilai tinggi atau jarang diperolehi di laman media sosial. Pembeli atau penjual yang tidak dikenali mungkin akan memohon mangsa untuk membuat pembayaran awal sebelum menyempurnakan transaksi atau menyerahkan barang yang dijual. Individu-individu yang tidak dikenali berkenaan juga berkemungkinan akan memohon maklumat perbankan peribadi awda.
3. Orang ramai dinasihati supaya tidak mengendahkan tawaran-tawaran seperti ini dan tidak mendedahkan maklumat perbankan peribadi kepada sesiapa sahaja dalam apa jua keadaan pun. Pihak AMBD tidak pernah meminta maklumat perbankan peribadi apabila menghubungi pelanggan, sama ada melalui panggilan telefon, emel atau SMS.
4. Bagi maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi AMBD melalui aplikasi telefon pintar AMBD App, talian 2388388, atau emel [info@ambd.gov.bn](mailto:info@ambd.gov.bn).

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 7 Safar 1440 / 16 Oktober 2018

Ref: AMBD/COMMS/3